

KONSEP PENILAIAN DALAM PENDIDIKAN ISLAM
THE CONCEPT OF ASSESSMENT IN ISLAMIC EDUCATION

Muhammatsakree Manyunu

Faculty of Education

University Fatoni of Thailand, Thailand.

Makree4@yahoo.com

ABSTRAK

Penilaian pendidikan Islam merupakan satu pendidikan Rabbani yang berunsur kepada Tuhan (Allah SWT). al-Quran dan Sunnah dijadikan rujukan asasi dalam pelaksanaannya. Alat (wasilah) mengukur adalah alat yang membuktikan kesahan matlamat (ghayah) pendidikannya. Dua perkara yang perlu diambil kira dalam menjalani alat (wasilah) penilaian pendidikan Islam: keikhlasan kepada Allah SWT dan mengikut sunnah Nabi Muhammad SAW. Seseorang anak didik perlu dinilai dari sudut jasmani, aqli, rohi, emosi dan kemasyarakatan secara seimbang. Hasil penilaiannya di dunia ini akan memberi kesan baik atau buruk di akhiratnya nanti.

Kata kunci: *Penilaian, Pendidikan Islam, keinsanan, sepanjang hayat, pembelajaran*

ABSTRACT

Assessment in Islamic education is based on four principles, namely the comprehensiveness, ongoing, mutual assistance and related to the objectives. This process should be carried out to achieve the goals defined, in terms of knowledge, skills and spirituality. Assessment is not specific to any one particular goal, but it evaluates all aspects of humanity and continues throughout the life of the human being to determine levels of student achievement in terms of knowledge and behavior. All parties need to serve mutual assistance to each other according to situation and their suitability to realize the planned educational goals. Its implementation in

Islamic education as a tool (medium) to measure the performance and achievement of educational goals.

Keywords: Assessment, Islamic Education, spirituality, lifelong, learning

PENGENALAN

Penilaian adalah prinsip penting dalam pendidikan. Ia berperanan menilai kehidupan manusia dalam setiap sudut: amali, sahsiah, emosi, sosial dan lain-lain (al-Jallad, 2004: 397). Kebanyakan pendidik Islam bersilih gandi dalam mendefinisikan perkataan ‘penilaian’ seperti imtihan (امتحان), ikhtibar (اختبار), taqwim (تقويم), taqyim (تقييم) dan ibtila’ (ابتلاء). Akan tetapi yang paling popular di kalangan mereka ialah taqwim. Terdapat beberapa ayat al-Quran yang berusul kepada taqwim dan memberimakna penilaian:

1. Firman Allah SWT dalam surah al-Tin (لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَن تَقْوِيمٍ) maksudnya: Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya) (al-Tin: 4).

2. Firman Allah SWT dalam surah al-Isra (إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ) (أَفْهَمُ), maksudnya: Sesungguhnya al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (agama Islam) (al-Isra: 9).

3. Allah SWT berfirman dalam surah al-Mumtahina: (يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا) (إِذَا جَاءَكُمْ الْمُؤْمِنَاتُ مُهَاجِرَاتٍ فَامْتَحِنُوهُنَّ) maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Apabila orang-orang perempuan yang mengaku beriman datang berhijrah kepada kamu, maka ujilah (iman) mereka (al-Mumtahana: 10).

4. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah: (وَإِذِ ابْتَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ رَبُّهُ) (بِكَلِمَاتٍ فَاتَمَمَّتْهُنَّ قَالَ إِنِّي جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَامًا قَالَ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي قَالَ لَا يَنَالُ عَهْدَ الظَّالِمِينَ) maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim diuji oleh Tuhannya dengan beberapa Kalimah (suruhan dan larangan), maka Nabi Ibrahim pun menyempurnakannya. (Setelah itu) Allah berfirman: “Sesungguhnya Aku melantikmu menjadi Imam (Pemimpin ikutan) bagi umat manusia”. Nabi Ibrahim pun memohon dengan berkata: “(Ya Tuhanku!) Jadikanlah juga (apabila jua kiranya) dari keturunanku (pemimpin-pemimpin ikutan)”. Allah berfirman: “(Permohonanmu diterima, tetapi) janjiku ini tidak akan didapati oleh orang-orang yang zalim” (al-Baqarah: 124).

DEFINISI DAN MATLAMAT

Kebanyakan pakar didikan mendefinisikan penilaian sebagai suatu proses sistematik yang menyemak hasil pencapaian murid adakah selari dengan

matlamat pendidik. Menurut Taba (1964): Penilaian adalah suatu proses membuat keputusan dan menilai pencapaian matlamat mengikut matlamat pendidikan yang disarankan. Penilaian juga merupakan salah satu proses mengumpul maklumat sesuatu secara kualitati dan juga kuantitati dengan lebih bersistematik. Proses ini bermatlamat mengtaksir sesuatu mengikut matlamat yang telah disarankan (al-Khawaldah, 2001: 349). Dengan keseluruhannya, penilaian dapat didefinisikan dengan suatu proses untuk mengukur pencapaian pelajar untuk mengetahui kekuatan dan kelemahan prestasi mereka. Penilaian juga merupakan satu proses untuk memperbaiki dan meningkatkan prestasi pelajar dengan sewajarnya. Proses ini seharusnya dijalankan ke arah mencapai matlamat yang ditentukan, dari sudut pengetahuan, kemahiran dan juga kerohanian.

Pendidikan Islam adalah pendidikan yang berasal asul daripada al-Quran dan Sunnah. Allah SWT berfirman dalam surat al-Baqarah, ayat 31-32:

وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ هَؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ۝ قَالُوا سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ ۝ قَالَ يَا آدَمُ أَنْبِئْهُمْ بِأَسْمَائِهِمْ فَلَمَّا أَنْبَأَهُمْ بِأَسْمَائِهِمْ قَالَ أَلَمْ أَقُلْ لَكُمْ إِنِّي أَعْلَمُ غَيْبَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَعْلَمُ مَا تُبْدُونَ وَمَا كُنْتُمْ تَكْتُمُونَ ۝

Maksudnya: Dan Ia telah mengajarkan Nabi Adam, akan segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu Ia berfirman: “Terangkanlah kepadaKu nama benda-benda ini semuanya jika kamu golongan yang benar”. Malaikat itu menjawab: “Maha suci Engkau (Ya Allah)! Kami tidak mempunyai pengetahuan selain dari apa yang Engkau ajarkan kepada kami; sesungguhnya Engkau jualah yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”. Allah berfirman: “Wahai Adam! Terangkanlah nama benda-benda ini semua kepada mereka”. Maka setelah Nabi Adam menerangkan nama benda-benda itu kepada mereka, Allah berfirman: “Bukankah Aku telah katakan kepada kamu, bahawasanya Aku mengetahui segala rahsia langit dan bumi, dan Aku mengetahui apa yang kamu nyatakan dan apa yang kamu sembunyikan?”

Ayat di atas membayangkan bahawa pendidikan Islam merupakan pendidikan yang bermatlamat mendidikan manusia secara holistik dan bersepadu. Ia berusaha sebanyak mungkin dalam membina insan yang seimbang antara aspek jasmani, aqli, rohi, emosi dan kemasyarakatan di bawah naungan syariah Islamiah. Ini untuk merealisasikan matlamat kejadian mereka di atas muka bumi ini dan supaya dapat menjadi hamba Allah SWT yang sebenar. Justeru, penilaian dalam pendidikan Islam harus meliputi dan menitikberatkan tentang aspek-aspek tersebut sehingga proses pembinaan manusia dapat dilaksanakan dengan baik menjadi insan kamil.

Prinsip penilaian pendidikan Islam

Penilaian dalam pendidikan Islam berdasarkan kepada 4 prinsip (al-Khawaldah & rakan, 2001): kesyumulan, berterusan, saling bantu membantu dan berkaitan dengan matlamat. Maklumat lanjut penilaian adalah seperti berikut:

Kesyumulan

Penilaian dalam pendidikan Islam tidak khusus kepada mana-mana satu matlamat tertentu, malah ia menilai semua aspek keinsanan. Penilaian merakumi aspek-aspek seperti berikut:

1. Keselarasan antara perkataan dan perbuatan: Pendidikan Islam memandang serius terhadap keselarasan perkataan yang diucap pelajar dengan amalan mereka. Jika ada mana-mana pelajar yang melakukan perbuatan bertentangan antara perkataan dengan perbuatan, bermakna ia telah menceroboh imannya. Percanggahan antara perkataan dan perbuatan dinamakan amalan nifak, kerana munafik ialah mereka membuat sesuatu yang menyalahi perkataannya. Firman Allah SWT dalam surah al-Saf ayat kedua yang bermaksud: "Hai orang-orang yang beriman, mengapa kamu mengatakan apa yang kamu tidak buat?"
2. Keselarian antara zahir dan batin: Pendidikan Islam amat menekan kemurnian luaran pelajar serta dalamannya. Adapun munafik ialah mereka yang menyembunyikan kekeruhan dan penipuan dalam hatinya iaitu berpura-pura menzahirkan kasih sayang dan kejujuran terhadap manusia. Akan tetapi, sama sekali ia tidak menyembunyikan

keburukan tersebut terhadap Allah SWT. Justeru, penerimaan amalan seseorang pelajar itu bergantung kepada niatnya tentang perkataan atau perbuatannya. Andai niat itu ikhlas kerana Allah SWT dan menurut pula apa yang disuruh Nabi SAW, maka baginya ganjaran dari Allah SWT. Sebaliknya, jika niat itu tidak ikhlas dan bukan kerana Allah SWT, maka tiada sebarang ganjaran dari Allah SWT untuknya, melainkan habuan duniawi sahaja. Sabda Rasulullah SAW bermaksud: "Sesungguhnya amalan itu disertai dengan niat dan bagi seseorang itu apa yang ia niat..." (al-Bukhari, 1987: 51). Dengan ini, jelas bahawa penilaian itu bukan semata-mata mengukur amalan yang zahir sahaja, walaupun mungkin yang zahir itu selaras dengan hukum syarak. Akan tetapi kalau niat atau kehendak dalaman itu mungkin tidak kerana Allah, maka amalan itu ditolak.

Berterusan

Penilaian merupakan salah satu daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh kerana proses ini berterusan sepanjang hayat manusia, maka sewajarnya penilaian diterus-menerus dari masa ke masa untuk mengetahui kadar pencapaian pelajar dari sudut pengetahuan dan tingkah lakunya. Penilaian perlu dilakukan sebelum proses pembelajaran dan setelah tamat proses pembelajaran sebelum memulakan topik baru. Oleh sebab itu, Omar al-Khattab menyeru manusia supaya bermuhasabah diri: "Hisabkan diri-mu sebelum kamu dihisab" (al-Tirmidhi, 1971: 550).

Saling bantu membantu

Proses penilaian memberi manfaat yang besar terhadap guru, pelajar, ibu bapa dan badan pendidikan. Oleh demikian, semua pihak perlu saling bantu membantu antara satu sama lain mengikut situasi dan kesesuaian masing-masing untuk merealisasikan matlamat pendidikan yang dirancang. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: "Kalian adalah bertanggungjawab dan kalian akan disoal tentang mereka yang di bawah..." (al-Bukhari, 1987: 893). Tanggungjawab adalah perkara umum dan meliputi semua aspek. Akan tetapi secara praktiknya boleh dilaksanakan mengikut kesesuaian anggota masyarakat khusus untuk menyeru kebaikan dan melarang kemungkaran. Selain daripada itu memberatkan adab sopan memberi petunjuk, menegaskan tingkah laku

yang baik dan mengambil berat kelakuan positif dan menjauhan gejala-gejala negatif.

Pelaksanaan dalam pendidikan Islam

Secara keseluruhannya, penilaian pendidikan Islam berbeza dengan penilaian pendidikan bukan Islam. Penilaian dalam pendidikan Islam adalah alat (*wasilah*) mengukur prestasi dan pencapaian matlamat pendidikan. Dari segi hukum syarak ia adalah alat sah membuktikan seseorang pelajar itu telah memenuhi matlamat pendidikannya, sekalipun prestasinya kurang memuaskan. Dengan ini, jika seseorang pelajar telah belajar subjek Fikah kerana Allah SWT, mengikut garisan yang dicontohkan oleh Nabi SAW, dengan itu tanpa sebarang penipuan berlaku dalam peperiksaan, bermakna dia telah berjaya menghayati falsafah pendidikan yang sebenarnya. Ini berbeza dengan matlamat pendidikan bukan Islam yang menjadikan prestasi (*ghayah*) sebagai ukuran kejayaan penilaian pelajar. Jika pencapaian seseorang pelajar kurang memuaskan, bermakna ia belum merealisasikan matlamat pendidikan. Sebagai contoh, seseorang pelajar mempelajari subjek Fikah bukan kerana Allah SWT, dan proses pembelajaran dan peperiksaannya diselubungi oleh penyelewengan batasan agama dan tidak mengikut garisan yang dicontohi Nabi SAW. Akan tetapi, ia berjaya dengan prestasi yang memuaskan. Bermakna ia telah mencapai matlamat pendidikan, sekalipun ia telah melakukan kesalahan waktu belajar atau periksa.

Pencapaian cara ini ditolak oleh Islam, kerana "melakukan penyelewengan batasan agama yang dianggap haram, maka matlamatnya juga haram". Di sini matlamat tidak menghalalkan cara. Oleh sebab itu, matlamat pendidikan Islam sama sekali tidak merestui sebarang pendekatan (proses pengajaran dan pembelajaran) selama mana ia bercanggah dengan hukum syarak. Justeru, konsep yang mengatakan "Matlamat adalah perkara yang mengukuhkan pendekatan" itu ditolak oleh dasar pendidikan Islam sama sekali, kerana ia adalah kaedah Jahiliah dahulu dan menjadi amalan orang Yahudi (al-Bani, 1979).

KESIMPULAN

Pendidikan Islam merupakan satu pendidikan Rabbani yang berunsur kepada Tuhan (Allah SWT), al-Quran dan Sunnah merupakan rujukan asasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini, boleh

menyebabkan implikasi dalam melaksanakan penilaiannya. Dengan keseluruhannya, penilaian dalam pendidikan dapat disimpulkan seperti berikut:

1. al-Quran dan Sunnah merupakan rujukan utama dalam penilaian. Sekiranya tidak terdapat pada rujukan tersebut, maka harus dijadikan ijmak, qias dan seterusnya sebagai rujukan.
2. Penilaian dalam pendidikan Islam adalah alat (*wasilah*) mengukur prestasi dan pencapaian matlamat pendidikan. Dari segi hukum syarak ia adalah alat sah membuktikan seseorang pelajar itu telah memenuhi matlamat (*ghayah*) pendidikannya, sekalipun prestasinya kurang memuaskan.
3. Alat (*wasilah*) penilaian pendidikan Islam mengandungi 2 perkara penting: ikhlas kepada Allah SWT dan mengikut sunnah Nabi Muhammad SAW. Kedua-duanya mesti diamalkan ketika sewaktu melaksanakan penilaian. Kalau tidak, dikirakan sia-sia sahaja (tidak dapat pahala).
4. Penilaian dalam pendidikan Islam mempunyai menghubungkan rapat antara aspek duniawi dan aspek ukhrawi. Seseorang Muslim akan dinilai keislamannya dari sudut jasmani, aqli, rohi, emosi dan kemasyarakatan. Hasil perbuatannya akan diberi balasan di dunia dan di juga akhirat kelak.

RUJUKAN

al-Quran.

al-Bani, Muhammad Nasir al-Din. (1979). *al-Radd al-Mufham*. Amman: al-Maktabah al-Islamiyah.

al-Jallad, Majid Zaki Jallad. (2004). *Tadris al-Tarbiyah al-Islamiah: Usus al-Nazariah wa al-Asalib al-Amaliah*. Dar al-Masirah, Jordan: Amman.

al-Khawaldah, Nasir Ahmad & Yahya Ismail 'Id. (2001) *Tara'iq Tadris al-Tarbiyah al-Islamiyah*. Amman: Dar Hunayn.

Taba, Hilda. (1962). *Curriculum Development*. New York: Harcourt, Brace & World, INC.

al-Tirmidhi, Abu 'Isa Muhammad ibn 'Isa. (1971). *Sunan al-Tirmidhi*. Jil.1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.

al-Bukhari, Muhammad ibn Isma'íl. (1987a). *Sahih*. Jil.1. Beirut: Dar Ibn al-Kathir.

Wisalaporn, Sermsak. (1979).